

17 FEB 1998

Wakil-Iraq

PERANCIS SOKONG KOFI ANNAN LAWAT BAGHDAD

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perancis menyokong lawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan ke Baghdad untuk mendapatkan penyelesaian diplomatik kepada krisis Iraq.

Wakil khas Perancis ke Iraq Denis Bauchard berkata beliau berharap Annan akan ke Baghdad secepat mungkin.

"Kami berpendapat bahawa Saddam mungkin akan membuat beberapa cadangan baru kepada Annan," katanya kepada pemberita di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah sebelum berlepas ke New Delhi untuk meneruskan misi diplomatiknya.

Bauchard, yang tiba dari Islamabad, menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjelaskan kedudukan kerajaan Perancis dan usaha mereka mencari satu penyelesaian diplomatik kepada krisis Iraq.

Washington mengancam akan mengebom Iraq berhubung keengganan Presiden Saddam Hussein untuk membenarkan penyiasat PBB ke kawasan yang disyaki menyembunyikan senjata kimia dan biologi yang diharamkan.

Bauchard berkata walaupun keadaan sekarang agak serius Perancis bagaimanapun akan berusaha sedaya mungkin untuk mencari dan mencapai satu penyelesaian damai dan diplomatik.

Bauchard berkata berdasarkan sumber-sumber diplomatik, terdapat negara seperti Britain yang sedang berusaha mencari jalan yang lebih pragmatik dan fleksibel.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau berkata: "Saya menemui Dr Mahathir untuk memberikan sepucuk surat dari Presiden Jacques Chirac."

"Saya melawat Malaysia untuk sebab-sebab lain kerana kita bersahabat dengan Malaysia. Malaysia memainkan peranan yang penting antara negara-negara di Selatan seperti menganjurkan mesyuarat G-15." -- BERNAMA

RV AKD